

Jalin kerjasama dengan usahawan China

UM 9 OCT 2002

PETALING JAYA 8 Okt. — Usahawan tempatan hari ini diseru mengambil kesempatan daripada kemunculan China sebagai kuasa ekonomi baru dengan menjalin kerjasama perniagaan dengan usahawan negara berkenaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerjasama itu boleh membantu meningkatkan lagi penghasilan serta eksport produk tempatan terutama ke China yang mempunyai pasaran yang amat luas.

Beliau berkata, pasaran produk tempatan juga sudah pasti akan menjadi lebih mudah dan dekat sekiranya mereka membuka kilang secara usahasama di sana selain menggunakan teknologi yang lebih maju.

Menurut Perdana Menteri, China merupakan lokasi yang kompetitif untuk aktiviti usahasama kerana produk yang dihasilkan boleh digunakan untuk menampung keperluan rakyat negara itu di samping mengeksportnya ke pasaran global.

Sebagai contoh, kata Dr. Mahathir, kerjasama dan bantuan teknologi negara tersebut, boleh membantu Malaysia mengeksport makanan halal ke China yang kini mempunyai 60 juta penduduk Islam.

"Dari sudut saiz pasaran makanan halal, kita berada dalam kedudukan baik untuk membekalkan makanan halal untuk masyarakat Islam di China.

Sebagai tambahan kepada makanan halal, kita juga boleh mengeksport produk halal yang lain seperti alat kosmetik, *toiletries* dan produk penjagaan kulit," katanya sewaktu berucap merasmikan Persidangan Ekonomi Malaysia-China di sini.

Semakin pesat

Turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng yang juga Pengerusi Pusat Perundingan Industri Kecil dan Sederhana Kebangsaan.

Dr. Mahathir menambah, pertumbuhan ekonomi China kini semakin pesat apabila hasil pengilangannya menyumbang sebanyak 80 peratus daripada eksport negara itu.

Ujarnya, peningkatan berpunca daripada kejayaan mereka menghasilkan produk berkualiti, menepati piawai dunia dan diterima baik oleh masyarakat antarabangsa.

Malah, kata beliau, China turut mempromosikan jenama barangannya sendiri sehingga mendapat pengiktirafan masyarakat antarabangsa.

Perdana Menteri berkata, ekoran semakin banyak kemudahan disediakan serta tenaga buruh yang murah juga telah menyebabkan banyak syarikat asing memindahkan pelaburan mereka ke sana sejak akhir-akhir ini.

Sebagai contoh jelas beliau, dari tahun 1997 hingga 2000 sahaja, negara itu berjaya menarik pelaburan langsung asing secara purata RM159.6 bilion setahun.

Keadaan itu, menurutnya secara tidak langsung turut memberi kesan serta cabaran ke atas Malaysia kerana ia menjejaskan pasaran produk negara ini di samping kehilangan pelabur yang berhijrah ke China.

Walaupun begitu katanya, China turut tidak terlepas daripada pelbagai cabaran serta kepayahan dalam usahanya menjadi pesaing di peringkat antarabangsa.

Bagaimanapun, kata Dr. Mahathir ada baiknya usahawan Malaysia melihat perkara tersebut secara positif kerana ia sebenarnya turut memberi peluang kepada usahawan Malaysia untuk terus bersaing.

Malah katanya, banyak syarikat Malaysia yang telah berjaya di sana hasil daripada sikap positif tersebut.

Setakat Jun tahun lalu, pelaburan syarikat Malaysia mencecah RM9.31 bilion dengan sejumlah 2,216 projek diluluskan sehingga membolehkannya menjadi pelabur asing ke-18 terbesar di China.

Antara sektor yang diceburi pula ialah pengeluaran produk berasaskan kayu dan plastik, komputer, peralatan pejabat, pembangunan infrastruktur serta pembinaan.